

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

Pembangunan makin rancak

Projek lebuh raya, persimpangan bertingkat di Dengkil bakal beri penduduk sekitar manfaat

DENGKIL - Pelaksanaan projek Lebuhraya Maju Expressway Sdn Bhd (Mex 2), persimpangan bertingkat dan Tol Ampar Tenang di Dengkil bakal melancarkan lagi pembangunan kawasan sekitarnya.

Ketua MIC Bahagian Sepang, V Gunalan berkata, rakyat perlu faham dengan tujuan pembangunan dilaksanakan kerajaan di sesebuah kawasan.

"Projek jaringan lebuh raya ini contohnya akan memudahkan rakyat Dengkil apabila siap nanti.

"Kita tak perlu pergi jauh untuk keluar ke lebuh raya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, Dengkil kini sedang rancak melalui proses pembangunan termasuk kemudahan pengangkutan yang terbaik.

"Pembangunan ini boleh memajukan kawasan dan penduduk berbilang kaum di sini.

"Saya bangga dengan identiti



GUNALAN

Dengkil yang akan menjadi sebuah kawasan dilengkapi pelbagai kemudahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada program lawatan kerja Timbalan Menteri Pendidikan, P Kamalanathan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Ampang Tenang, di sini.

Dalam pada itu, Gunalan ber-



Gunalan mengiringi Kamalanathan menerima cenderamata ketika lawatan kerja menteri berkenaan di SJKT Ladang Ampar Tenang.

kata, sekolah berkenaan memerlukan bangunan tambahan bagi memastikan suasana pembelajaran muridnya lebih kondusif.

"Kita mahu kemudahan menyeluruh, bukan saja pengangkutan, aspek pendidikan juga diharap dibangunkan dengan baik," katanya.

DIARI

Karnival Sihat Selangor 2016 peringkat daerah

Tarikh: 27 Ogos

Masa: 8 pagi hingga 2 petang

Tempat: Taman Banting Baru, Kuala Langat

Perasmi: Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi

Aktiviti:

- Berjalan 10,000 langkah
- Zumba fitness
- Derma darah
- Kesedaran denggi
- Pemeriksaan kesihatan percuma
- Promosi makanan sihat
- Program bantuan sihat Selangor
- Jualan produk kesihatan

Maklumat lanjut:
Jabatan Belia dan Kemasyarakatan
(03-31803140)

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA
mohd.hanafiah@sinarharian.com.my